

06/01/2001

Kontroversi murid sekolah jadi tumpuan akhbar Tamil, Cina

JAMINAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa peruntukan jawatan kerajaan kepada MIC berdasarkan konsep perkongsian kuasa dalam Barisan Nasional (BN) tidak akan tergugat, menerima liputan luas media bahasa Tamil tempatan.

Tamil Nesan (Nesan) memetik Perdana Menteri sebagai berkata, MIC akan terus bertanding di kawasan Parlimen yang diperuntukkan kepadanya walaupun pengundi kaum India adalah minoriti di kawasan terbabit.

Rancangan Jabatan Imigresen untuk menghantar pulang lebih 100,000 pendatang asing turut mendapat perhatian akhbar bahasa Tamil minggu ini, kebanyakannya mempertikaikan keberkesanan tindakan itu.

Malaysia Nanan (Nanan) pada dasarnya menerima baik keputusan itu tetapi menyifatkan penghantaran pulang pendatang asing bukan rumusan muktamad dan satu penyelesaian jangka panjang perlu dirangka segera.

Kisah pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan (Tamil) Ladang Seafield enggan belajar di bangunan baru sekolah di USJ 20/6E yang mengalami beberapa kerosakan turut menjadi tumpuan akhbar Tamil tempatan.

Ladang Seafield adalah kawasan penanaman getah, termasuk sekolah Tamil terbabit dan kawasan perumahan pekerja ladang, yang dibeli Sime-UEP Berhad untuk dibangunkan semula kira-kira 13 tahun lalu.

Kemelut yang dihadapi sekolah Tamil Ladang Seafield turut dihadapi beberapa sekolah Tamil di negeri lain sehingga mendorong pelbagai pihak menggesa kerajaan mempercepatkan pelaksanaan sekolah wawasan.

Sementara itu, isu pemindahan murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Damansara, Petaling Jaya ke SRJKC Puay Chai Dua di Bandar Utama BU3/1 yang mencetuskan kontroversi antara ibu bapa dan pihak sekolah mendapat perhatian akhbar berbahasa Cina sepanjang minggu lalu.

Isnin lalu, Nanyang Siang Pau melaporkan, jawatankuasa menentang pemindahan yang dianggotai penduduk kampung baru itu mengadakan tunjuk perasaan dengan membentang kain rentang dan saling berbalas 'tembakan'.

Seramai 10 anggota polis terpaksa bertindak untuk mengawal keadaan cemas dan memastikan pemindahan perabot serta peralatan seperti meja tidak terjejas.

Turut terbabit dalam kontroversi itu ialah Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Chew Mei Fun, dan Naib Presiden DAP Selangor, Ronnie Liu, selaku penasihat jawatankuasa sementara menentang pemindahan murid terbabit.

Bagaimanapun, keadaan itu berulang kembali pada hari pertama sesi persekolahan 2001 pada Rabu lalu.

Menurut ketiga-tiga akhbar utama berbahasa Cina edisi Khamis, seramai 1,300 murid ke sekolah baru, 145 murid balik ke sekolah asal dan sebahagiannya tidak melaporkan diri sebagai isu politik kerana ia tidak adil kepada murid terbabit.

Murid terbabit terpaksa menumpang di SRJKC Puay Chai Dua untuk tempoh dua tahun berikutan keadaan persekitaran yang bising dengan projek pembinaan Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd (Sprint) di persimpangan Seksyen 17 Petaling Jaya sementara menunggu bangunan baru siap pada 2003.

Dalam perkembangan lain pula, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) sudah mendapat kelulusan untuk mengadakan perhimpunan besar-besaran menentang Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu), hari ini.

Setiausaha Agungnya, Syed Anuar Syed Mohamad, dipetik Nanyang Siang Pau

edisi Jumaat sebagai berkata, perhimpunan yang bertujuan menguatkan perpaduan Melayu itu dijangka dihadiri kira-kira 4,000 orang daripada 40 pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

(END)